

Hentikan amalan sekarang

Mn.M 24 JAN 1993

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Malaysia mahu amalan mendaftarkan 'satu kapal dengan satu syarikat' sebagaimana yang dilakukan dalam industri perkapalan antarabangsa sekarang dihentikan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri juga berkata, kos penyenggaraan bagi membersihkan perairan dan pesisiran Selat Melaka sepatutnya ditanggung oleh para pengguna Selat Melaka dan bukannya negara-negara pesisiran selat itu.

"Mereka menggunakan Selat Melaka secara percuma tetapi tanggungjawab atau kesan buruk yang berlaku akibat tumpahan minyak atau kebakaran terpaksa ditanggung oleh negara pesisir," tegasnya kepada para pemberita selepas mengadakan kunjungan sempena sambutan Tahun Baru Cina di kediaman Menteri Sains Teknologi dan Alam sekitar, Datuk Dr. Law Heing Deng, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia sebagai contoh terpaksa mengeluarkan belanja penyenggaraan yang besar bagi membersihkan kesan tumpahan minyak sedangkan tanggungjawab itu sepatutnya ditanggung oleh para penggunanya.

Beliau memberitahu, isu tersebut akan dibawa dalam mesyuarat negara-negara pesisiran Selat Melaka iaitu Indonesia, Singapura, Thailand dan Malaysia pada Jun depan.

Mengenai amalan mendaftarkan 'satu kapal dengan satu syarikat' Dr. Mahathir berkata, amalan tersebut tidak adil kerana ia hanya bertujuan mengelakkan bayaran pampasan ke atas sesebuah negara lain yang terkena kesan pencemaran akibat kerosakan atau kemusnahan kapal tersebut.

Katanya, apabila pencemaran akibat kebakaran atau tumpahan minyak berlaku, syarikat perkapalan terbabit tidak mempunyai aset lain untuk 'membayar' kemusnahan atau kesan buruk yang diterima oleh negara lain.

"Amalan ini bukan sahaja tidak adil tetapi juga tidak bertanggungjawab,"

Perdana Menteri memberitahu demikian sebagai mengulas kebakaran kapal tangki *Maersk Navigator* setelah berlanggar dengan sebuah lagi kapal tangki *Sanko Honour* di Laut Andaman, kira-kira 50 batu nautika utara Bandar Aceh, pagi semalam.

Dalam kejadian tersebut, *Maersk Navigator* yang penuh dengan muatan minyak mentah itu terbakar dan menyebabkan berlaku tumpahan minyak di laut tersebut.

Dr. Mahathir menambah, selain amalan satu kapal satu syarikat, amalan mendaftarkan kapal-kapal angkut dan tangki di negara-negara dunia ketiga juga perlu dikaji semula kerana negara-negara terbabit tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab ke atas kapal yang didaftarkan jika berlaku sesuatu perkara buruk.

Katanya, kapal-kapal tersebut mesti didaftarkan di negara asal pemilik kapal bagi memudahkan dikesan jika

berlaku kebakaran, perlanggaran atau kapal karam.

"Negara-negara seperti Panama, Liberia tidak mempunyai apa-apa aset untuk menanggung kesan pencemaran itu," kata Dr. Mahathir.

Kepada satu soalan beliau berkata, Malaysia tidak boleh memaksa para pengguna selat tersebut membayar kos penyenggaraan kerana Malaysia hanyalah sebuah negara yang kecil dan lemah.

"Kita hanya boleh memujuk. Jepun misalnya tidak membayar kos penyenggaraan tetapi menyumbangkan peralatan untuk kerja-kerja pembersihan sekiranya berlaku pencemaran laut," tambahnya.

Perdana Menteri menambah, Malaysia ada mencadangkan setiap pengguna Selat Melaka perlu membayar kos penyenggaraan pembersihan tetapi tidak diperseujui dengan alasan Selat Melaka adalah perairan antarabangsa.

Katanya, tafsiran perairan antarabangsa dibuat pada zaman dahulu berdasarkan kepada bilangan dan jenis kapal yang beratnya cuma antara 300 hingga 400 tan dan tidak membawa minyak atau bahan-bahan kotor yang boleh mencemarkan Selat Melaka.

"Tetapi di zaman ini dengan saiz kapal yang mencapai berat setengah juta tan dan membawa pelbagai jenis cecair dan minyak sehingga boleh membawa pencemaran yang serius, ia tidak lagi boleh dianggap perairan antarabangsa," tegas beliau lagi.

Katanya, satu cara pembiayaan mesti diadakan sama ada oleh negara-negara pengguna atau secara membayar tol.